

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, October 24, 2019 8:19 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bekerja Bukan Alasan Untuk Berhenti Menuntut Ilmu



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

24 OKTOBER 2019 / 25 SAFAR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee dan Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Seksyen Media dan Graduan UUM

BEKERJA BUKAN ALASAN UNTUK BERHENTI MENUNTUT ILMU



UUM ONLINE: Meskipun sudah mempunyai kerjaya tetap yang menjamin masa depan, ia tidak menjadi alasan kepada graduan Universiti Utara Malaysia (UUM) terdiri staf akademik dan pentadbiran untuk terus menuntut ilmu demi peningkatan kerjaya dan diri.

Guru Bahasa, Mahaliza Mahadhir berkata, faktor anak-anak telah mencetus minatnya untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana, tambahan pula niatnya itu mendapat sokongan suami dan ahli keluarga lain.

"Setiap hari saya menasihati dua anak saya supaya belajar dan terus belajar bersungguh-sungguh, malah saya juga sentiasa bersama mereka ketika mengulang kaji pelajaran.

"Melihat dua anak saya yang bakal menduduki peperiksaan SPM dan Tingkatan 4 ketika itu (2016) saling membantu ketika belajar telah membuatkan diri terfikir untuk turut serta belajar

dengan mengambil program sarjana secara separuh masa," kata graduan Sarjana Linguistik Terapan itu yang juga Penyelaras Bahasa Inggeris di Jabatan Canselori.

Mahaliza berkata, dia mahu menjadi contoh kepada anak-anak dengan menunjukkan proses pembelajaran tidak akan terus berhenti pada satu tahap sahaja, sebaliknya berterusan.

Bagi Pembantu Operasi di RIMC, Bistomi Ismail, kegembiraan melihat dua anaknya naik ke pentas menerima ijazah masing-masing adalah hari paling bahagia kepada dia dan isteri.

Bapa kepada Muhammad Hamizan, Pembantu Awam di Jabatan Pendaftar itu berkata, kekerapan melihat graduan lain naik ke pentas mengambil ijazah setiap kali majlis konvokesyen telah menggerakkan hatinya untuk sentiasa berdoa agar pada suatu hari giliran anaknya Muhammad Hamizan dan Nur Hanizaton pula berada di atas pentas tersebut.

"Doa saya dimakbulkan apabila anak sulung dan kedua saya ini masing-masing menerima Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Awam dan Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan pada Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM.

"Saya sentiasa mengingatkan mereka bahawa orang susah juga mampu berjaya jika ada kesungguhan, malah saya juga sering membawa mereka masuk ke UUM, tempat saya mencari rezeki ini agar mereka dapat mengenali dan berkawan dengan rakan-rakan baharu bagi mendapatkan ilmu," katanya yang turut menggalakkan anaknya untuk meneruskan pengajian sehingga peringkat tertinggi.

Sementara itu, Pegawai Tadbir, Siti Tanjung Jamaludin dari Institut Penyelidikan Pengurusan dan Perniagaan (IMBRe) berkata, dia memulakan pengajian peringkat Sarjana Undang-undang Sumber Manusia pada tahun 2015 secara separuh masa dan mendapat biasiswa Program MyBrain15 ketika itu.

Menurutnya, dia mendapat dorongan untuk menyambung pengajian apabila melihat persekitaran UUM yang menggalakkan pembelajaran berterusan dan program yang diambilnya itu juga banyak memberi pengetahuan untuk meningkatkan kecekapan kerja.

Bagi Muhammad Nazli Ismail dari Pusat Pengujian, Pengukuran dan Penilaian (CeTMA), dia bangga kerana walaupun bekerja, dia masih mampu menyambung pengajian di peringkat Sarjana Pengurusan Awam dengan mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.87.

"Belajar sambil bekerja telah memberikan kelebihan kepada saya yang mampu membiayai sendiri yuran pengajian tanpa perlu mengharapkan bantuan atau pinjaman daripada mana-mana organisasi.

"Saya bersyukur kerana tidak perlu membuat pinjaman pendidikan semasa menyambung pengajian di peringkat sarjana muda dan sarjana kerana mempunyai sumber pendapatan bagi membayar yuran pada setiap semester, secara tidak langsung menjadi contoh kepada masyarakat bahawa pendidikan tanpa pinjaman boleh dilaksanakan sekiranya mempunyai perancangan dan strategi dalam pengurusan kewangan," katanya yang juga lulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Awam di universiti ini.

Tambahnya, tiada rahsia atau amalan tertentu untuk mencapai keputusan yang cemerlang, namun beliau sentiasa mengambil budaya 5S dalam menjalani kehidupan seharian yang boleh diamalkan oleh individu lain iaitu solat, sedekah, sokongan, semangat dan sihat.

Mengenai perancangan masa depan selepas menamatkan pengajian, dia menetapkan matlamat untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah sama ada di

dalam atau luar negara dan akan berusaha untuk mendapatkan biasiswa daripada mana-mana organisasi bagi mencapai impian tersebut.

Manakala Penerbit Rancangan di Unifilm Studio, Mohd Jamal Mat Hussain menyifatkan menuntut ilmu itu satu keperluan, namun keluarga tetap menjadi keutamaan.

Mengimbau perjalanan pengajian, Jamal berkata, dia turut berdepan dengan pelbagai dugaan apabila anak gadisnya disahkan menghidap kanser dan dimasukkan ke hospital untuk menjalani rawatan ketika dia baru memulakan pengajian.

"Kami sekeluarga membahagikan masa untuk menjaganya dan pada masa sama saya perlu fokus pada pengajian, namun Allah lebih menyayangi anak saya apabila dia telah dijemputNya sebelum saya menamatkan pengajian ini," kata graduan Sarjana Sains Pengurusan itu.

Jamal yang memiliki lima anak dan tujuh cucu berkata, sepanjang pengajian dia banyak menimba ilmu baharu dalam bidang pengurusan organisasi dan sumber manusia walaupun terpaksa bersaing dengan rakan-rakan yang lebih jauh lebih muda dan mempunyai asas ijazah.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.